

kebesaran diraja di Luak Tampin

Syor bentuk suruhanjaya

20/3/87

SEREMBAN, Khamis — Baka Yam Tuan Raja Ali Rembau/Tampin meminta Dewan Keadilan membentuk satu suruhanjaya yang dianggotai oleh wakil kerajaan negeri, ahli-a hil-sejarah dan pengamal adat untuk membincangkan semula kesahihan fakta sejarah bagi menentukan siapa yang berhak mewarisi kebesaran diraja di Luak Tampin.

Salah seorang keturunan baka itu, Raja Mohd Yusof Raja Othman, berkata inilah antara jalan penyelesaan yang paling baik untuk menentukan perlembagaan negeri yang ada sekarang benar-benar sahli atau tidak.

"Sebagai baka Yam Tuan Ali, kami masih berpegang kepada faktafakta sejarah dan bukti-buktinya yang ada, iaitu hak berkuasa di Luak Tampin adalah hak baka Yam Tuan Ali, bukannya hak

Syed Shaaban dan keturunannya.

"Syed Shaaban hanya menantu Yam Tuan Ali dan beliau serta keturunannya tidak boleh berkuasa di luak itu seperti yang berlaku sekarang.

"Mengikut adat istiadat raja-raja, kuasa memerintah sebagai raja di luak itu dan negeri-negeri beraja amnya, dikira berdasarkan baka, bukannya saka atau perut," katanya.

Berpuncra

Raja Mohd Yusof berkata, kekuasaan yang diperolehi oleh keturunan Syed Shaaban adalah berpunca daripada isterinya, Tengku Lebar, iaitu anak perempuan kepada Yam Tuan Raja Ali.

"Perjanjian Kemerdekaan Rembau/Tampin bertarikh 20 Januari 1832 dan Perjanjian Sempadan 9 Januari 1833, antara Kerajaan Inggeris dengan Yam Tuan Raja Ali, Datuk Penghulu Rembau, Datuk Nganit dan ketua-ketua suku, menunjukkan Yam Tuan Raja Ali dan bakanya

adalah yang berkuasa di Luak Tampin.

"Bagaimanapun perjanjian itu tidak dipatuhi oleh mereka yang menggubal perlembagaan pada tahun 1959. Itu terbukti selepas pihak berkenaan mengeneppikan setiap tuntutan yang dikemukakan oleh baka Yam Tuan Raja Ali sejak tahun 1946.

"Kami juga ada menghantar memorandum kepada suruhanjaya penggubal perlembagaan yang diketual oleh Lord Reid pada 5 Julai 1956, tetapi tidak berjawab," katanya.

Menurut Raja Mohd Yusof, tuntutan itu juga pernah dibuat ketika Datuk Rais Yatim menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan.

"Dalam jawabannya, beliau berkata sepatutnya kami membuat tuntutan itu sebelum perlembagaan itu termaktub pada tahun 1959.

"Tuntutan itu sudah pun kami buat sejak 1946, iaitu 13 tahun lebih awal sebelum perlembagaan itu termaktub pada tahun 1959, tetapi kami halang bagaimana ia tidak sampai ke pengetahuan pihak berwajib," jelasnya.

Raja Mohd Yusof kesal dengan kekeliruan yang berlaku sejak mula tuntutan itu dibuat sehingga sekarang.

Katanya, banyak fakta sejarah dikemukakan oleh pengamal adat untuk mengulas laporan mengenai tuntutan hak berkuasa di Luak Tampin semalam, bercanggah.

"Kami bercakap atas dasar fakta sejarah — bukan dibuat secara emosi. Tuntutan itu bukan bertujuan mengandungi sentimen berebut kuasa, tetapi kami menuntut kerana atas prinsip hak," katanya.

Baka Yam Tuan Raja Ali bersedia bersemuka dengan pengamal adat untuk membetulkan kekeliruan yang berlaku, tambah beliau.